

Awal Muharam bukan sekadar pertukaran tahun

Tarikh hijrah Rasulullah SAW jadi anjakan paradigma penetapan syariat Islam

Perpindahan Nabi Muhammad SAW dan sahabat dari Makkah ke Madinah membawa dimensi baharu dengan tertegaknya syiar Islam sehingga akhirnya Madinah tertubuh sebagai sebuah negara Islam setahun selepas peristiwa hijrah.

Kemudian, pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab, takwim hijrah diperkenalkan dengan penetapan permulaan tarikh diambil bersempena tanggal bermulanya hijrah Rasulullah SAW pada 2 Rabiulawal bersamaan 14 September 622 Masihi.

Berdasarkan kiraan rukyah, 1 Muharam tahun pertama hijrah jatuh pada hari Jumaat bersamaan 16 Julai 622 Masihi. Hari ini kita juga meraikan sambutan awal Muharam pada hari Jumaat, penghulu segala hari.

Sambutan awal Muharam seharusnya diraikan meriah seperti setiap kali tibanya tahun baharu Masihi kerana ia memberi seribu satu pengajaran kepada umat Islam mengenai pengorbanan Rasulullah SAW dan sahabat menegakkan Islam.



[FOTO HIASAN]

Sambutan Maal Hijrah wajar disambut meriah seperti sambutan tahun baharu Masihi.

mengambil berat tarikh penting dalam kalendar Islam.

"Umat Islam hari ini dilihat lebih cenderung menyambut kedatangan tahun baharu Masihi dengan membuat pelbagai azam serta perancangan meraihkannya. Sepatutnya, sambutan sama dilakukan setiap kali tibanya awal Muharam yang menandakan perubahan tahun Hijrah.

"Risau juga jika umat Islam zaman ini tidak mampu mengingati dan menyebut nama bulan dalam kalendar Islam.

Imilah antara cabaran bakal kita hadapi jika tidak ada usaha memastikan umat Islam peka tarikh penting dalam Islam," katanya.

Niat dikira ibadat

Menurut Thaniah, amalan memasang azam setiap kali muncul tahun baharu adalah perbuatan yang sangat baik dan terpuji kerana ajaran Islam menyeru untuk sentiasa memasingkan niat yang baik

kerana pahala berniat sudah dikira sebagai satu ibadat.

Bagaimanapun, katanya, memperbaharui azam hendaklah dilakukan mengikut kehendak agama untuk meningkatkan iman, amal dan takwa. Sambutan Maal Hijrah boleh dijadikan titik tolak kepada perancangan yang baik kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Sebagai contoh, ibu bapa boleh menjadikan sambutan tahun baharu Hijrah ini sebagai sebagai penyuntik semangat membawa diri dan anak serentak dekat dengan Allah SWT serta mengajak mereka bersama melaksanakan sunah Rasulullah SAW.

Perubahan yang baik itu secara tidak langsung dapat mendidik mereka sentiasa menjadikan agama sebagai keutamaan dan secara tidak langsung dapat mengelak daripada terjebak perbuatan negatif termasuk keruntuhan moral yang

dilihat semakin meruncing sejak akhir-akhir ini.

Amalan bulan Muharam

Sementara itu, Pensyarah Kanan Tjuz al-Quran Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman, berkata banyak kemuliaan bulan Muharam yang juga salah satu daripada bulan haram dalam Islam.

Beliau memetik firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul dan lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya) dan peranglah kaum kafir musuh seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya dan ketahuilah sesungguhnya Allah bersalah." (Surah al-Baqarah, ayat 177)

→ Lihat Ms. b3



Risau juga jika umat Islam zaman ini tidak mampu mengingati dan menyebut nama bulan dalam kalendar Islam. Inilah antara cabaran bakal kita hadapi jika tidak ada usaha memastikan umat Islam peka tarikh penting dalam Islam"

Thaniah Sulaiman, Pendakwah bebas



[FOTO HIASAN]

Kukuhkan kesatuan Ummah melalui pelbagai aktiviti mengimarahkan masjid.



Utama perpaduan ummah

→ Dari Ms. b2



Solat berjemaah di masjid, surau adalah manifestasi perpaduan ummah. Malangnya, dalam kalangan kita masih asyik dibuai lamunan keduniaan yang mengakibatkan Allah SWT dilupakan"

Mohd Sukki Othman, Pensyarah Kanan Tjuz al-Quran UPM

ta orang yang bertakwa." (Surah al-Taubah, ayat 9)

Pada bulan haram ini disunatkan berpuasa pada 9 dan 10 Muharam. Amalan berpuasa pada 10 Muharam atau dikenali dengan hari asyura sudah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sebelum berhijrah ke Madinah lagi.

"Di samping melaksanakan ibadat puasa sunat, wajar bagi umat Islam menjadikan iktibar terhadap pelbagai peristiwa lain yang berlaku pada tanggal 10 Muharam seperti ditenggelamkan Firaun ke dalam laut akibat keangkuhannya," katanya.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Kami bawakan Bani Israel ke seberang Laut Merah, lalu dikejar oleh Firaun dan tenteranya dengan tujuan melakukan kezaliman dan pencerobohan sehingga apabila Firaun hampir tenggelam berkatallah ia (pada saat yang genting itu): Aku perayu, bahawa tiada Tuhan melainkan yang dipercayai oleh Bani Israel dan aku adalah dari orang yang berserah diri (menurut perintah)." (Surah Yumud, ayat 90)

Tingkatkan kesatuan

Peristiwa lain yang berlaku pada 10 Muharam adalah mendaratnya kapal Nabi

Nuh di atas bukit Judi. Kejadian itu menyaksikan Allah SWT turut membinasakan anak Nabi Nuh dalam satu banjir besar. Nabi Nuh berpuasa pada hari berkenaan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT.

Mohd Sukki berkata, selari dengan tema sambutan Maal Hijrah kali ini, 'Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara', penting semangat perpaduan disematkan dalam diri seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Beliau mengajak supaya mengambil iktibar daripada semangat persaudaraan melalui ibadat haji dan hari raya korban. Ia satu simbol kesatuan, perpaduan dan persaudaraan sejagat yang telah terjalin sejak berabad lamanya.

"Solat berjemaah di masjid dan surau juga adalah manifestasi perpaduan ummah. Malangnya, dalam kalangan kita masih asyik dibuai lamunan keduniaan yang mengakibatkan Allah SWT dilupakan dan masjid ditinggalkan.

"Sempena kedatangan tahun baharu Hijrah ini, marilah kita berusaha mengukuhkan kesatuan ummah melalui pelbagai cara supaya semangat persaudaraan dan ukhuwah mampu menjadi landasan ke arah menjalani hidup sejahtera," katanya.